



**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 5 TAHUN 2021**

**SEMUA PEGAWAI PENGAWAL
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**TATACARA PERAKAUNAN AKRUAN BAGI PERBELANJAAN
PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL YANG DIBELI (OBJEK
SEBAGAI 28000) DAN PEMBAIKAN MODAL (KOD OBJEK 30000)**

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan bertujuan menerangkan kaedah memperakaunkan perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan kecil dan perbelanjaan pembaikan modal bagi bangunan, kemudahan dan alat-alat kelengkapan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada masa kini kesemua perbelanjaan penyelenggaraan diperakaunkan di bawah Objek Sebagai (OS 28000). Berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan PS 1.1 Penjenisan Kod Bagi Hasil Dan Perbelanjaan**, Kod OS 28000 digunakan bagi memperakaunkan **Perbelanjaan Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil yang Dibeli** untuk menjaga bangunan, kemudahan dan alat-alat kelengkapan supaya berada dalam keadaan baik.
- 2.2 Berdasarkan praktik semasa, didapati **Perbelanjaan Pembaikan Modal** turut diakaunkan di bawah Kod OS 28000. Selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Asas Akruan, kod perakaunan bagi **perbelanjaan Perbelanjaan Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil yang Dibeli** dan **Perbelanjaan Pembaikan Modal** hendaklah dibezakan. Ini bagi memenuhi ketetapan piawaian perakaunan **Malaysian Public Accounting Standard (MPSAS) 1-Pembentangan Penyata Kewangan**.

3.0 PENGKELASAN PERBELANJAAN PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL YANG DIBELI DAN PERBELANJAAN PEMBAIKAN MODAL

3.1 Pengkelasan perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan kecil dan perbelanjaan pembaikan modal dibuat berdasarkan ciri-ciri/sifat perbelanjaan yang dilakukan. Tiada amaun khusus yang menentukan perbelanjaan tersebut adalah **Perbelanjaan Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli** atau **Perbelanjaan Pembaikan Modal**. Walau bagaimanapun **Perbelanjaan Modal pada kebiasaannya melibatkan amaun yang besar dan menambah usia guna aset serta meningkatkan kapasiti penggunaan aset.**

3.2 Perbelanjaan Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil yang Dibeli (OS 28000)

Perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan kecil bertujuan menjaga aset supaya berada dalam keadaan baik, tidak menambah usia guna atau meningkatkan kapasiti pengeluaran. Perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan kecil merangkumi perbelanjaan berikut;

- (i) Penyelenggaraan berjadual (penyelenggaraan berulang)
- (ii) Pembaikan kerosakan kecil bagi tujuan mengekalkan aset kepada keadaan sedia ada atau operasi berterusan
- (iii) Penggantian kecil bahagian atau peralatan

3.1 Pembaikan Modal (Kod Objek 30000)

Perbelanjaan modal merupakan perbelanjaan yang melibatkan perbelanjaan besar bertujuan untuk meningkatkan jangka hayat aset atau meningkatkan kapasiti penggunaan aset.

- (i) Pengubahsuaian bangunan
- (ii) Pembaikan yang melibatkan keseluruhan struktur (contoh penggantian keseluruhan bumbung bangunan)
- (iii) Menaiktaraf rangkaian talian
- (iv) Pendawaian semula
- (v) Pembaikan besar kenderaan (*total overhaul*)

4.0 KAEDAH MENGAKAUNKAN PERBELANJAAN PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL DAN PERBELANJAAN PEMBAIKAN MODAL

- 4.2 Bagi perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan kecil, jabatan/PTJ hendaklah menggunakan kod OS 28000 seperti berikut semasa pertanggunganaan akaun dibuat;

PERIHAL	KOD AKAUN (KOD OSOL)
Penyelenggaraan bangunan (termasuk kawasan sekitar , lif dan alat)	B0228100
Penyelenggaraan kemudahan	B0228200
Penyelenggaraan kenderaan	B0228300
Penyelenggaraan jentera	B0228400
Penyelenggaraan kelengkapan dan peralatan	B0228500
Penyelenggaraan alat kelengkapan elektronik	B0228600
Penyelenggaraan alat kelengkapan elektrik	B0228700
Penyelenggaraan penyiaran dan perhubungan	B0228800
Penyelenggaraan alat-alat lain	B0228900

- 4.3 Manakala bagi perbelanjaan pembaikan modal jabatan/PTJ hendaklah menggunakan kod akaun berikut;

PERIHAL	KOD AKAUN (KOD OSOL)
Pembaikan tanah	A1431200
Pembaikan bangunan (termasuk pengubahsuaian bangunan)	A1432200
Pembaikan kemudahan	A1433200
Pembaikan kenderaan	A1434300
Pembaikan jentera	A1434400

- 4.4 Pembaikan bangunan (pengubahsuaian pejabat/bangunan) yang melibatkan perolehan aset hendaklah dilaksanakan selaras dengan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bilangan 4 Tahun 2021**.

5. HAL-HAL LAIN

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman, Jabatan/PTJ boleh merujuk kepada pihak berikut:

Helpdesk

Unit Perakaunan Dan Pengurusan Kewangan

Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Kedah

Emel : helpdesk1spek@kedah.gov.my

No. Tel : 04-7027789/7790/7791/7847

6. TARIKH BERKUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

7. PEMAKAIAN

Surat Pekeliling ini hendaklah diguna pakai oleh jabatan dan PTJ jabatan negeri dan perlu dirujuk bersama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Carta Akaun Akruan, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia serta peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah.

8. PENUTUP

Jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL MAJID BIN SALLEH, (C.A.M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman **21 NOV 2021**

s.k. Yang Berhormat Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman

Pengarah Jabatan Audit Negeri Kedah Darul Aman.